

1. Baca petikan di bawah dan jawab soalan-soalan berikutnya.

Berjuta-juta tahun dahulu bumi kita didiami oleh dinosaur. Perkataan dinosaur berasal dari Greek yang bermaksud, 'cicak yang dahsyat'. Akan tetapi dinosaur bukanlah daripada kumpulan cicak. Barangkali haiwan itu dipanggil demikian kerana bentuk badannya yang besar serta menggerunkan.

Dinosaur terbahagi kepada dua kumpulan. Satu kumpulan makan tumbuh-tumbuhan, satu kumpulan lagi makan daging. Dinosaur daripada kumpulan pertama itu mempunyai kepala yang agak kecil dan leher ekor yang panjang. Dinosaur yang paling besar dalam kumpulan ini mempunyai ukuran badan sehingga 24 meter. Dinosaur daripada kumpulan kedua pula mempunyai kepala yang besar serta gigi yang panjang dan tajam.

Oleh sebab ketiadaan bukti yang kukuh, ahli-ahli sains tidak dapat mengetahui dengan jelas sebab dinosaur ini pupus. Ada saintis berpendapat dinosaur itu pupus akibat daripada perubahan suhu yang berlaku secara **mendadak**. Ada juga saintis yang berpendapat, kepupusan haiwan ini kerana bumi ditimpa oleh tahi bintang yang besar. Akibatnya tumbuh-tumbuhan mati dan dengan tiadanya sumber makanannya itu, dinosaur jenis herbivor itu pun turut mati, diikuti oleh dinosaur dari jenis karnivor. Ramai ahli sains yang menyokong pendapat terakhir ini.

Kewujudan dinosaur pada zaman silam itu baru sahaja diketahui umum pada tahun 1822. Secara kebetulan seorang wanita telah menemui fosil gigi dinosaur yang sebahagiannya tertanam dalam batu. Dia menyerahkan fosil gigi itu kepada suaminya, seorang doktor. Selepas penemuan itu, barulah ditemui pula fosil-fosil dinosaur yang lain di seluruh dunia. Penemuan itu menyedarkan ahli-ahli sains dan orang ramai akan kewujudan dinosaur kira-kira 63 juta tahun yang lalu.

1. Bagaimanakah cara dinosaur ini dibahagikan ?

- A Mengikut saiz kepala dan leher
- B Berdasarkan cara pemakanannya
- C Mengikut ketinggian dan bentuk kepala
- D Berdasarkan saiz kepala dan makanannya

2. Pendapat yang manakah dianggap **benar** tentang sebab dinosaur ini pupus ?

- A Dinosaur itu mati akibat berlaku perubahan suhu secara mendadak
- B Ketidadaan makanan berlaku setelah ditimpa tahi bintang
- C Tahi bintang yang besar telah membunuh binatang itu
- D Dinosaur itu pupus akibat kekurangan makanan

3. Perkataan '**mendadak**' dalam petikan itu bermaksud
- A menakutkan
 - B mendesak
 - C mengejut
 - D cepat
4. Kewujudan dinosaur itu diketahui orang ramai setelah
- A banyak fosil dijumpai di serata dunia
 - B fosil gigi dinosaur dijumpai terbenam dalam batu
 - C isteri seorang doktor menemui fosilnya dalam batu
 - D doktor itu mula mengkaji fosil yang ditemui isterinya

2. Baca petikan laporan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

KUALA BERANG, 1 Oktober - Adik Nurul dan Siti Emelia Anis dari Kemaman muncul juara pertandingan bercerita bahasa Melayu peringkat negeri Terengganu yang berlangsung pada hari ini. Pertandingan ini diadakan di Sekolah Menengah Tengku Ampuan Intan, Kuala Berang.

Adik Nurul menjuarai pertandingan bercerita Tahap Satu, manakala adik Emelia Anis pula bagi kategori Tahap Dua. Adik Nurul mencuit perhatian juri dan penonton dengan aksi lucu dan bersahaja ketika menyampaikan ceritanya yang bertajuk, “Gagak yang Sombong”. Beliau mengalahkan tujuh peserta lain yang turut bertanding.

Sementara itu, adik Emelia Anis yang juga mewakili daerah Kemaman, telah mengalahkan peserta lain dengan ceritanya, “Anak Itik yang Hodoh”. Beliau yang bersekolah di Sekolah Kebangsaan Chukai, tidak menyangka akan menjuarai pertandingan tersebut.

Kedua-dua pemenang itu akan mewakili negeri Terengganu ke pertandingan peringkat kebangsaan yang akan berlangsung di Wilayah Persekutuan Labuan, Sabah pada 11 hingga 13 Oktober ini. Sementara itu, guru pengiring kepada adik Nurul, Cikgu Suria Aman menyatakan kesyukurannya atas kemenangan tersebut. Beliau tidak meramalkan kejayaan ini memandangkan persaingan sengit daripada para peserta.

Sementara itu, dalam pertandingan bercerita bahasa Inggeris Tahap Dua, adik Kay Tian Ong dari Kuala Terengganu telah muncul johan. Tempat kedua pula dimenangi oleh adik Muhd. Aiman. Bagi Tahap Satu pula telah dimenangi oleh adik Muqarabbin, sementara tempat kedua oleh adik Nur Hanani.

Majlis penyampaian hadiah telah disampaikan oleh Pegawai Pelajaran Daerah Hulu Terengganu, Encik Abdullah bin Harun. Semua pemenang tempat pertama menerima wang tunai RM100 berserta sijil penyertaan, kedua RM80.00 berserta sijil, dan ketiga RM50.00 berserta sijil.

1. Kedua-dua juara pertandingan bercerita bahasa Melayu berasal dari

- A Dungun
- B Kemaman
- C Kemaman dan Dungun
- D Kemaman dan Kuala Terengganu

2. Secara keseluruhannya, berapa banyakkah peserta yang mengambil bahagian dalam keempat-empat kategori yang dipertandingkan ?
- A 14 orang
 - B 16 orang
 - C 28 orang
 - D 32 orang
3. Kemenangan adik Nurul banyak dibantu oleh
- A tajuk ceritanya.
 - B aksi dan gaya bercerita.
 - C kebolehan semulajadinya.
 - D persaingan sengit para peserta.
4. Pertandingan bercerita dapat memupuk nilai-nilai yang berikut
- A kreatif, imaginatif, dan berani
 - B cekal, tabah, dan berdedikasi
 - C rajin, berusaha, dan mendebarakan
 - D puas hati, kreatif, dan bertanggungjawab

3. Baca notis di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

PERTANDINGAN MENDEKLAMASIKAN SAJAK

Kelab Bahasa Melayu sekolah ini akan mengadakan pertandingan mendeklamasikan sajak sempena sambutan Hari Guru peringkat sekolah. Pertandingan ini akan diadakan pada :

Tarikh : 16 Mei 2006
Hari : Selasa
Masa : 10.00 pagi
Tempat : Tapak Perhimpunan

Syarat-syarat pertandingan :

1. Sajak-sajak yang dipertandingkan adalah yang asli.
2. Isi sajak bertemakan Hari Guru.
3. Masa untuk mendeklamasikan sajak kira-kira 3 minit.
4. Pertandingan terbuka kepada pelajar tahun 4 hingga 6.
5. Pelajar yang berminat untuk menyertai pertandingan ini dikehendaki berhubung dengan Muhd Akmal Azman (Setiausaha Kelab Bahasa Melayu) pada atau sebelum 11 Mei 2006.

1. Pertandingan ini dianjurkan oleh
 - A Hari Guru
 - B Sekolah berkenaan
 - C Kelab Bahasa Melayu
 - D Setiausaha Kelab Bahasa Melayu
2. Apakah yang dimaksudkan dengan sajak yang asli ?
 - A Hasil ciptaan penyajak sendiri.
 - B Ditulis dengan tangan sendiri.
 - C Sajak ini berkaitan dengan Hari Guru.
 - D Sajak ini berkaitan dengan diri penulis.
3. Mengapakah pertandingan sajak ini diadakan?
 - A Untuk mencungkil bakat pelajar.
 - B Untuk memberi hadiah kepada pelajar.
 - C Bersempena dengan sambutan Hari Guru.
 - D Supaya pelajar boleh belajar cara mendeklamasikan sajak.

4. Siapakah yang bertanggungjawab menguruskan penyertaan pelajar?

- A Setiausaha Kelab Bahasa Melayu.
- B Pengelola Sambutan Hari Guru.
- C Pengerusi Sambutan Hari Guru.
- D Kelab Bahasa Melayu.

4. Baca petikan di bawah dan jawab soalan-soalan berikutnya.

Pada suatu malam, saya tidak dapat tidur. Kedua-dua ibu bapa saya terpaksa pulang ke kampung kerana datuk saya sakit. Apabila sudah hampir pagi, barulah saya terlena.

Apabila saya sedar, jam sudah menunjukkan pukul 7.15 pagi. Saya terlewat bangun daripada tidur. Tanpa berlengah-lengah, saya terus menyiapkan diri pergi ke sekolah. Dari jauh saya ternampak bas berhenti. Saya segera berlari untuk mendapatkan bas tersebut malangnya apabila saya hampir tiba, bas itu mula bergerak. Saya terpaksa menunggu bas yang berikutnya. Dalam fikiran saya sudah terbayang denda yang bakal dikenakan, cuci tandas kerana lewat ke sekolah.

Setibanya di sekolah, saya dapati sekolah saya sunyi. Tiada kereta dan tiada murid lain kecuali saya. Barulah saya teringat bahawa hari itu ialah hari Ahad. Saya pun berjalan pulang. Tiba-tiba hujan turun dan semakin lama semakin lebat. Saya tetap meneruskan perjalanan dalam hujan itu. Tanpa disedari sebuah lori mealui lopak air yang berhampiran dengan saya. Habis kotor baju sekolah saya. Saya betul-betul geram. Tiba-tiba, saya tersepak seketul batu lalu terjatuh. Kedua-dua belah kaki saya luka dan berdarah.

Hari itu merupakan hari yang malang bagi saya dan tidak dapat saya lupakan.

1. Mengapakah penulis tinggal seorang diri?
 - A Ibu bapanya pulang lewat.
 - B Ibu bapanya pergi melancong.
 - C Ibu bapanya pulang ke kampung.
 - D Penulis memang suka tinggal sendirian

2. Mengapakah sekolah penulis sunyi dan tiada orang ?
 - A Hari itu hari minggu.
 - B Penulis sudah lewat.
 - C Hari itu hujan turun lebat.
 - D Semua murid sudah balik

3. Apakah maksud **lopak** dalam petikan tersebut?
 - A Bekas berisi air
 - B Tempat letak pensel
 - C Bekas mengisi barang
 - D Lubang di tanah yang berisi air

4. Mengapakah hari itu merupakan hari yang tidak dapat dilupakan oleh penulis?
 - A Hari itu hari Ahad
 - B Penulis itu tidak dapat tidur semalaman
 - C Ibu bapanya telah meninggalkan rumah
 - D Banyak peristiwa malang yang berlaku terhadap penulis pada hari itu

5. Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Entah mengapa Mei Ling merasakan dirinya semakin sayu. Memerhatikan langkah dan lenggang ibunya yang sedikit lesu itu semacam menerbitkan sentakan perasaan yang terlalu aneh dalam jiwanya.

“Ah! Alangkah kuatnya semangat ibu melangsungkan hidup ini,” desis hati kecilnya secara tiba-tiba.

Mei Ling sedar, sejak kematian ayahnya, ibunyalah yang terpaksa bekerja keras menyara hidupnya sekeluarga. Walaupun hanya dia dan ibunya sahaja yang menjadi penghuni rumah usang itu, tetapi dia tetap merasakan ibunya yang menanggung beban yang berat untuk menyekolahkan. Lebih-lebih lagi hanya dia dan ibunya sahaja yang menjadi penghuni asing Kampung Kemuning itu. Tetapi terdetik juga di benaknya betapa masyarakat Melayu yang digaulinya di kampung terpencil itu tetap menghargai kehadiran dia dan ibunya yang sudah menginjak usia empat puluh tahun itu. Jauh-jauh terselit rasa syukur di sudut hatinya bahawa dia dan ibunya tetap bergelar penghuni setia Kampung Kemuning.

“Ah! Terlalu jauh fikiranku melayang!” bentaknya kepada dirinya sendiri.
Sesudah mencuci pinggan mangkuk itu dan menyusunnya di atas para-para, Mei Ling

menuju ke arah meja yang terletak di sudut kiri rumahnya, menghadap ke pintu masuk.

(Dipetik daripada Antologi Sehijau Warna Daun,)

1. Apakah yang dimaksudkan dengan perkataan aneh dalam petikan di atas?
 - A Hiba
 - B Pelik
 - C Kuat
 - D Sedih

2. Berdasarkan petikan, apakah yang dilakukan oleh Mei Ling selepas dia mencuci pinggan-mangkuk ?
 - A Membantu ibunya di dapur
 - B Masuk ke dalam kamarnya
 - C Mengulangkaji pelajarannya
 - D Pergi ke meja di sudut rumahnya

3. Perkara yang berikut menceritakan watak Mei Ling, **kecuali**
 - A dia mangsa perceraian keluarga
 - B kehidupan keluarganya susah
 - C dia merupakan anak yatim
 - D dia sering mengelamun

4. Apakah tema cerpen ini ?
 - A Keharmonian masyarakat pelbagai kaum
 - B Rumah tangga yang dilanda masalah
 - C Anak yang mementingkan keluarga
 - D Kehidupan yang dirundung malang